



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR PEPERIKSAAN AKHIR

NAMA KURSUS : PERANCANGAN SUMBER MANUSIA
KOD KURSUS : DSM2093
PEPERIKSAAN : DISEMBER 2022
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian. BAHAGIAN A (40 MARKAH)
BAHAGIAN B (60 MARKAH)
 2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
 3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan
 - iii. Kertas Jawapan Objektif

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNG 12 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan Objektif.

- 1 Apakah maksud perancangan sumber manusia?
 - A Satu usaha mengenal pasti dan mengambil pekerja baharu dalam organisasi.
 - B Aktiviti pembangunan tenaga kerja warga asing dalam perancangan sumber manusia.
 - C Aktiviti melatih pekerja baharu untuk mencapai matlamat organisasi dalam jangka masa panjang.
 - D Satu proses berterusan yang menghubungkan keperluan tenaga sumber manusia dengan rancangan kewangan dan operasi organisasi dalam tempoh masa tertentu.

- 2 Manakah antara berikut merupakan kepentingan perancangan sumber manusia kepada sesebuah organisasi?
 - i. Mengekalkan pekerja sedia ada.
 - ii. Mengurangkan kadar pengangguran pekerja.
 - iii. Memastikan tenaga sumber manusia sentiasa mencukupi.
 - iv. Mengatasi persaingan antara graduan yang ingin mendapatkan peluang pekerjaan dalam organisasi.
 - A i dan ii
 - B i dan iii
 - C ii dan iv
 - D iii dan iv

- 3 Puan Nany telah meminta keraninya untuk menyiapkan laporan minit mesyuarat sebelum pukul lima petang. Walau bagaimanapun, keraninya telah memaklumkan bahawa laporan minit mesyuarat tersebut telah disiapkan dua hari lepas dan telah diletakkan di atas meja beliau. Apakah perancangan yang telah digunakan oleh kerani Puan Nany?
- A Perancangan matrik.
B Perancangan agregat.
C Perancangan penggantian.
D Perancangan *line manager*.
- 4 Pernyataan 1 ialah petikan berkaitan dengan penempatan semula pekerja di Malaysia.

KUALA LUMPUR - Aspek perancangan penempatan semula pekerjaan atau '*redeployment*' antara strategi yang sedang dirangka oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM).

Menterinya, Datuk Seri M Saravanan berkata '*redeployment*' adalah pengagihan pekerja daripada sektor yang mempunyai lebihan pekerja kepada sektor yang mempunyai kekurangan pekerja dan ia akan dilaksanakan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK).

Program penempatan semula pekerjaan ini akan melibatkan program latihan semula atau program '*reskilling*' (kemahiran baharu) dan '*upskilling*' (tingkat kemahiran) kepada para pekerja.

"Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF) termasuk Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) akan menggalas tanggungjawab dalam memastikan dana latihan yang digunakan akan menjurus kepada jaminan pekerjaan," katanya

Sumber : Bernama Online, 1 Mei 2022

Pernyataan 1

Apakah perbezaan antara *redundancy* dengan *retrenchment*?

- A *Redundancy* merupakan skim persaraan awal pekerja, manakala *retrenchment* adalah skim insentif pekerja dalam organisasi.
 - B *Redundancy* merupakan kenaikan pangkat pekerja dalam organisasi, manakala *retrenchment* adalah penurunan pangkat pekerja dalam organisasi.
 - C *Redundancy* merupakan lebihan pekerja dalam satu organisasi, manakala *retrenchment* adalah pengurangan pekerja dalam satu organisasi.
 - D *Redundancy* merupakan penamatan pekerja sementara dalam satu organisasi, manakala *retrenchment* adalah penggantian pekerja dalam satu organisasi.
- 5 Antara yang berikut, manakah **bukan** merujuk kepada maklumat spesifikasi kerja bagi jawatan Pembantu Tadbir Kewangan (Gred W19)?
- A Kemahiran – fasih dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
 - B Kelayakan sampingan - mempunyai prestasi kerja yang cemerlang.
 - C Tugas kerja - menyedia dan mengemaskinikan belanjawan tahunan organisasi.
 - D Tahap pendidikan - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- 6 _____ digunakan untuk menyemak sama ada matlamat dan objektif sesuatu kerja tertentu tercapai atau tidak.
- A Analisis tugas.
 - B Analisis kerja.
 - C Analisis individu.
 - D Analisis majikan.

- 7 Berdasarkan situasi berikut, apakah perbezaan antara deskripsi kerja dengan spesifikasi kerja?

	Deskripsi Kerja	Spesifikasi Kerja
A	Encik Arif seorang Wargenegara Malaysia yang ingin memohon jawatan sebagai kerani.	Jawatan kosong yang diiklankan adalah seorang juruteknik komputer
B	Encik Arif mempunyai kemahiran komputer.	Encik Arif telah dipertanggungjawabkan untuk merekodkan dokumen dan menyiapkan rekod pekerja.
C	Gaji yang ditawarkan oleh Encik Arif adalah sebanyak RM1500.00.	Encik Arif mempunyai pendidikan Sijil pelajaran Malaysia untuk memohon jawatan seorang kerani.
D	Encik Arif mendapat gred C dalam subjek bahasa melayu.	Encik Arif dilantik sebagai menjadi seorang pembantu makmal.

- 8 Berikut adalah proses analisis kerja yang perlu dilakukan oleh Pegawai Sumber Manusia di dalam sebuah organisasi. Susun semula proses analisis kerja tersebut mengikut turutan yang **betul**.
- Tentukan bagaimana maklumat itu akan digunakan.
 - Membangunkan deskripsi kerja dan spesifikasi kerja.
 - Memilih jawatan wakil, iaitu pengurus mesti memilih jawatan wakil untuk diberi tumpuan.
 - Semak maklumat latar belakang yang berkaitan seperti carta organisasi dan deskripsi kerja.
 - Menganalisis pekerjaan sebenar, dengan mengalu-alukan setiap pemegang jawatan untuk menemu bual pekerja untuk mendapatkan ringkasan asas kerja dalam jawatan tersebut.
 - Sahkan maklumat analisis kerja dengan pekerja yang melaksanakan kerja dan dengan penyelia langsungnya.
- A i, ii, iii, iv, v, vi
B i, iv, v, vi, ii, iii
C i, iv, iii, v, vi, ii
D iii, ii, 1, iv, v, vi
- 9 _____ satu proses meramal dengan cara mendapatkan cadangan daripada pakar yang terpilih mengenai keperluan sumber manusia dalam organisasi.
- A Kaedah delphi.
B Kaedah analisis senario.
C Kaedah kumpulan nominal.
D Kaedah ramalan pengurusan.

- 10 Kilang Boba dalam perancangan untuk melaksanakan pengambilan pekerja bagi beberapa jawatan kosong pada penghujung tahun 2023. Perancangan ini bertujuan supaya bilangan pekerja dalam sistem organisasi Kilang Boba berada pada tahap yang maksimum. Apakah teknik yang boleh digunakan oleh Kilang Boba bagi memastikan sumber tenaga manusia dapat dikelakkan pada tahun 2023?
- A Analisis trend.
B Analisis nisbah.
C Analisis regresi.
D Analisis masa hadapan.
- 11 Mengapakah sesebuah syarikat digalakkan menggunakan sistem pengurusan maklumat sumber manusia?
- A Memastikan kebolehpasaran pekerja dalam organisasi.
B Memberi jaminan keselamatan pekerja dalam organisasi.
C Membolehkan penyelia mengawal selia pagar keluar masuk.
D Menjimatkan masa Pengurus Sumber Manusia dalam menguruskan pekerja.
- 12 Apakah langkah pertama untuk meramal keperluan sumber manusia dalam sesebuah organisasi?
- A Menghasilkan ramalan.
B Menentukan matlamat ramalan.
C Memilih dan menguji kaedah ramalan.
D Mengumpul, menganalisis dan menilai data yang diperlukan oleh Pengurus Sumber Manusia dalam organisasi.
- 13 Apakah keburukan pengecilan (downsizing)?
- A Menurunkan semangat pekerja.
B Memastikan pihak majikan mampu membayar gaji pekerja.
C Meramal bilangan tenaga pakar yang ada dalam organisasi.
D Memastikan pengurus bertanggungjawab dalam tugas yang diberi.

14

Pekerja secara sukarela meletak jawatan kerana mendapat tawaran kerja yang lebih baik. Hal ini kerana syarikat mengalami masalah kewangan yang telah menjelaskan perubahan reka bentuk sistem kerja dalam organisasi.

Penyataan 2

Apakah perancangan strategik yang dinyatakan dalam penyataan 2

- A *Mutual Separations Scheme (MSS)*.
- B Skim persaraan awal pekerja kanan.
- C Skim Insentif Pemberhentian Pekerja.
- D *Voluntary Separation Scheme (VSS)*.

15

Seorang pemandu bas perlu mempunyai kecekapan dalam memandu dan juga perlu mempunyai kepakaran membaiki kenderaan.

Penyataan 3

Penyataan di atas adalah contoh kepada

- A indentiti tugas.
- B kepentingan tugas.
- C maklum balas pengguna.
- D kepelbagaian kemahiran.

16 Mengapakah seorang bakal graduan perlu mempunyai nilai tambah sebelum memasuki pasaran industri?

- i. Dapat berkomunikasi dengan berkesan.
- ii. Meningkatkan kebolehan pasaran graduan.
- iii. Berkeupayaan untuk menyelesaikan masalah.
- iv. Dapat merancang dan menguruskan keterampilan dan personaliti diri.

A i, ii dan iii

B ii, iii dan iv

C i, iii dan iv

D Semua diatas

17 Apakah tujuan perekrutan dan pengambilan pekerja dalam organisasi?

- A Memenuhi kriteria syarat pasaran kerja.
- B Memenuhi latihan pekerja dalam organisasi.
- C Memenuhi prosedur yang ditetapkan bagi mencapai matlamat organisasi.
- D Memenuhi kehendak undang-undang EEO (*Equal Employment Opportunity*).

18 Berikut merupakan kelebihan perekrutan dalaman **kecuali**

- A semangat dan motivasi pekerja meningkat.
- B mengekalkan pekerja yang baik dalam organisasi.
- C menghadkan idea-idea baru ke dalam organisasi.
- D pekerja akan diberi ganjaran diatas sumbangan cemerlang yang diberikan.

19 Pemilihan adalah satu proses memilih calon yang paling sesuai daripada sekumpulan pemohon untuk mengisi kekosongan jawatan. Apakah ujian pemilihan yang paling sesuai bagi jawatan pengawal keselamatan?

- i. Ujian larian.
- ii. Ujian bakat.
- iii. Ujian kecerdasan.
- iv. Ujian keperibadian.

A i dan ii

B i dan iii

C ii dan iii

D iii dan iv

20 Berikut merupakan proses pemilihan pekerja. Susun proses tersebut mengikut turutan yang **betul**.

- i. Ujian pemilihan.
- ii. Temu duga pemilihan.
- iii. Pemeriksaan rujukan.
- iv. Borang permohonan dan resume.

A i, ii, iii, iv

B i, iii, iv, ii

C iii, iv, ii, i

D iv, iii, ii, i

[40 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

SOALAN 1

Syarikat Timah Sdn. Bhd. telah menghadapi masalah kewangan pada awal tahun 2021 akibat COVID-19. Namun begitu pada bulan Januari 2022 pihak syarikat telah kembali pulih selepas melaksanakan penstrukturkan semula dengan cara mengurangkan bilangan pekerja. Sebagai seorang pengurus, bagaimanakah anda melaksanakan strategi pengeciran pekerja dalam organisasi?

(10 markah) (

SOALAN 2

Penggabungan merujuk kepada penyatuan bersama dua atau lebih entiti untuk membentuk perusahaan baru dengan nama baru. Pada pandangan anda, mengapakah organisasi mengambil keputusan untuk melaksanakan penggabungan perusahaan?

(10 markah)

SOALAN 3

a. Terangkan kelebihan perekrutan pekerja melalui sumber dalaman.

(8 markah) (

b. Puan Salmah merupakan Pengurus Sumber Manusia di Syarikat Jentayu Sdn. Bhd. Beliau ingin melaksanakan perekrutan dalaman bagi jawatan Pengurus Operasi. Bantu Puan Salmah untuk mengenal pasti kaedah yang sesuai dalam melaksanakan perekrutan dalaman.

(12 markah)

SOALAN 4

a. Terangkan langkah-langkah yang boleh diambil oleh syarikat untuk mengatasi masalah kekurangan pekerja.

(6 markah)

b. Bagaimanakah syarikat di Malaysia melaksanakan proses pemilihan pekerja?

(14 markah)

[60 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT